

TEKS UCAPAN YBHG. DATO' YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI
SEMPENA
LARIAN MENARA MPSP ATAU MPSP TOWER RUN 2015
16 OGOS 2015 (AHAD), 9:00 PAGI

Terima kasih Pengacara Majlis

Yang Dihormati Ahli Majlis- Ahli Majlis
Majlis Perbandaran Seberang Perai

Para Penaja

Rakan-rakan media

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahhiwabarakatuh, Selamat pagi dan Salam Sejahtera, Alhamdulillah dan syukur kita kehadiran Ilahi kerana dengan limpah kurnia-Nya dapat kita bersama-sama menjayakan Larian Menara MPSP atau MPSP Tower Run bagi tahun 2015.

Saya amat berbesar hati dan bangga kerana MPSP dengan kerjasama Kerajaan Negeri serta pelbagai pihak dapat menganjurkan program ini

dengan jayanya. Syabas dan tahniah kepada semua pihak yang terlibat kerana berjaya menganjurkan program kesihatan yang memberi kebaikan kepada semua. Kejayaan ini adalah hasil komitmen yang tinggi dari semua pihak.

Sebagai makluman semua, MPSP Tower Run 2015 telah memasuki tahun ke-3 penganjurannya. Jarak larian ini adalah 7km dan disempurnakan dengan menaiki tangga sebanyak 412 anak tangga sebelum menamatkan larian. Pelbagai kategori seperti Men's Open, Women's Open, Boys' Junior, Girls' Junior, Men's Veteran dan Women's Veteran telah dipertandingkan yang melibatkan pelari dari pelbagai peringkat umur. Daripada jumlah pelari seramai **653** orang, seramai 439 orang pelari adalah kaum lelaki manakala 214 orang pelari adalah kaum wanita. Selain larian, cabutan bertuah juga diadakan bagi semua peserta. Pada tahun 2015 ini, program Larian MPSP Tower Run 2015 telah dimasukkan ke dalam kalendar sukan kerajaan negeri dan larian "MPSP Tower Run" ini akan diadakan setiap tahun.

Selaras dengan seruan Kerajaan Negeri untuk membentuk Negeri Pulau Pinang yang lebih bersih, lebih hijau, lebih selamat dan lebih sihat, penganjuran MPSP Tower Run ini dapat melahirkan masyarakat yang sihat dan sentiasa mengamalkan gaya hidup sihat. Di samping itu,

penganjuran larian menara ini juga mampu meningkatkan taraf kesihatan rakyat dan seterusnya meningkatkan produktiviti serta kualiti kehidupan mereka. “Outcome” program ini adalah dapat menikmati kehidupan yang lebih selesa dan sihat.

Dalam perkara yang sama, acara sukan ini sesungguhnya merupakan antara medium yang berkuasa dalam menyatukan masyarakat tanpa mengira pangkat, usia, jantina dan bangsa. Kita semua sebenarnya mempunyai peranan dalam membudayakan sukan dalam kehidupan kita. Kehidupan yang cergas dan aktif adalah penting untuk kesihatan tubuh badan dan seterusnya akan menghasilkan fikiran yang cerdas dan minda yang kreatif. Badan yang sihat juga akan melahirkan insan yang cergas dengan minda yang cerdas. Gabungan ciri-ciri ini akan mencorakkan personaliti yang terbaik,

Saya amat gembira dengan penyertaan yang amat mengalakkan dari pelbagai lapisan umur dan masyarakat termasuk peserta-peserta dari luar negeri seperti Negeri-negeri Perlis, Kedah, Perak, Kuala Lumpur, Selangor, Johor dan Pahang. Penyertaan yang mengalakkan ini merupakan petanda yang positif serta bukti penglibatan masyarakat, sokongan padu, kerjasama daripada masyarakat terhadap program kesihatan anjuran MPSP. Tahun pertama penganjuran adalah 690

orang. Tahun lepas adalah 626 orang dan meningkat kepada 650 dari tahun lepas 2014. Sambutan dan sokongan ini dapat mendorong MPSP untuk terus menganjurkan program-program kesihatan yang memberi manfaat kepada semua pihak. Semoga acara MPSP Tower Run ini akan terus mendapat sambutan yang menggalakkan pada masa akan datang dengan lebih banyak penyertaan dari kalangan orang awam.

Para Hadirin Sekalian,

Selain penganjuran MPSP Tower Run ini, MPSP juga mengadakan program Senamrobik Bersama MPSP untuk orang ramai di ketiga-tiga daerah di Seberang Perai. Aktiviti-aktiviti sukan dan riadah juga diperkenalkan dan diperkembangkan dengan harapan akan memberi manfaat dan meningkatkan tahap kesihatan dan kecergasan fizikal rakyat di Seberang Perai.

Untuk menggalakkan aktiviti sukan di kalangan kakitangan, Persatuan Sukan dan Kebajikan MPSP atau secara ringkasnya PESUKA MPSP juga telah mengadakan pelbagai kegiatan sukan sepanjang tahun 2015. Antara sukan yang telah dianjurkan oleh PESUKA adalah Boling Antara Jabatan pada 23 Mei 2015 di Megamall Pacific, Badminton Antara Jabatan pada 18 April 2015 di Kompleks Sukan Bertam. Selain itu,

MPSP juga telah menghantar pasukan-pasukan sukan seperti bola jaring, hoki dan boling padang untuk menyertai pertandingan atau kejohanan yang dianjurkan di peringkat negeri atau peringkat nasional (jemputan). Di sini jelas menunjukkan komitmen dan kesungguhan MPSP dalam melahirkan masyarakat yang sihat. Di samping itu, program “Car Free Morning MPSP” dan Butterworth Fringe Festival juga diadakan untuk semua penduduk Seberang Perai.

Akhir kata, saya bagi pihak MPSP merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih kepada semua penaja yang telah turut serta dalam MPSP Tower Run 2015 dengan menyalurkan pelbagai bentuk sumbangan dan tenaga dalam menjayakan program pada kali ini. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada semua pemenang pada hari ini dan juga kepada semua yang telah mengambil bahagian.

Semoga kejayaan ini akan menjadi inspirasi kepada orang ramai untuk terus menunjukkan kecemerlangan bukan sahaja dalam kerja-kerja harian malah dalam bidang sukan bagi melengkapkan personaliti sebagai orang yang serba boleh.

Walaupun tidak semua peserta menerima hadiah, namun dengan hanya mengambil bahagian pada hari ini, anda semua merupakan “WINNERS”.

Dengan itu, saya sudahi dengan Wabillahi Taufik Wal Hidayah,
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.